

KUALA LUMPUR, Isnin — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mencadangkan pengeksport-pengeksport tempatan menubuh panel khas bagi menentukan barang-barang yang akan dieksport bermutu tinggi.

Panel itu yang dijalankan secara sukarela akan dapat meneliti barang-barang bermutu tinggi saja dieksport dan sebaliknya.

Ini sebagai langkah mengekal imej barangan buatan Malaysia di luar negeri.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian menegaskan kepercayaan barangan buatan Malaysia di luar negeri tidak harus dijelaskan kerana ia boleh merosakkan perdagangan negara.

Pengeksport-pengeksport sama ada Melayu atau China haruslah mengekalkan kawalan mutu barangan tersebut kerana barang-barang bermutu rendah akan menjejaskan pengeksportan negara.

Ini kerana pengimport-pengimport hanya mengetahuinya adalah barangan buatan Malaysia dan mereka tidak tahu siapa pengeksportnya sama ada Melayu ataupun China.

Beliau berucap demikian merasmikan pelancaran Persatuan Pengeksport Melayu Malaysia (MAME) dan Seminar Asas Eksport di sini hari ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga penaung persatuan itu berkata pengalaman orang Melayu di bidang pembuatan masih belum luas.

Oleh itu mereka haruslah berhati-hati mengeksport barang-barang tersebut bagi menaekalkan kepercayaan pengimport.

Tentukan barang bermutu tinggi

Tubuh panel khas: Dr M

mengeksport barang-barang bermutu tinggi," jelasnya.

Beliau berharap pengeksport akan dapat menghadapi cabaran meningkatkan kemampuan di bidang tersebut walaupun terpaksa menghadapi berbagai masalah.

"Saya sedar terdapat maaalah di bidang apa sekalipun, pengusaha-pengusaha flem mempunyai masalah, pengusaha-pengusaha kereta tangki mempunyai masalah dan Timbalan Perdana Menteri pun mempunyai masalah," sambil disambut dengan gelak ketawa.

Bagaimanapun beliau berkata, kementeriananya sentiasa membantu mereka hingga ke tahap maksima.

Ini termasuk mengadakan hubungan antara pengeksport tempatan dan luar, apa barang yang hendak dikeluarkan, undang-un-

tiang tarif dan bukan tarif, persatuan cukai yang dikenakan dan lain-lain.

Kerajaan juga sedia mengadakan kursus-kursus untuk menambahkan pengetahuan di bidang tersebut.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan Malaysia tidak seharusnya bergantung kepada satu barangan saja untuk dieksport.

Itulah sebabnya, di masa-masa akan datang negara akan mem-

pelbagai barangan. Jelasnya, sekiranya negara hanya bergantung kepada sesuatu barangan, risikonya amat besar.

Ini memandangkan harga barangan utama negara tidak stabil seperti bijih timah yang merosot dari 30 peratus sedangkan barang-barang yang dibawa masuk seperti traktor tidak pernah mengalami penurunan harga.

Sebagai contoh, beliau menyebut Jepun hingga sekarang mempunyai reputasi sebagai sebuah negara mempunyai barangan bermutu tinggi.

Ini disebabkan negara tersebut hanya mengeksport barang buatan bermutu tinggi, walaupun untuk kegunaan tempatan tidak sebagaimana diharapkan.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan, Malaysia mahukan pengeksport-pengeksport yang mengeluarkan barangan bermutu tinggi dan bukan barang-barang murah.

"Kita mahu jadikan Malaysia terkenal sebagai sebuah negara